

27 JUN 2002

MALAYSIA-MOODY'S/I

PENARAFAN MALAYSIA TIDAK TERJEJAS DENGAN PERALIHAN KUASA

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 27 Jun (Bernama)-- Moody's Investors Service menyatakan ia mengekalkan semakannya bagi kemungkinan peningkatan gred dalam penarafan mata wang asing Malaysia.

Moody's menyatakan isu penggantian telah menjadi sebahagian daripada analisisnya dan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk meletakkan jawatan tahun depan adalah konsisten dengan analisis itu.

Agensi itu menyatakan di New York bahawa ia yakin rangka kerja institusi Malaysia stabil dan proses penggantian adalah jelas adil.

Agensi penarafan itu tidak percaya proses penggantian tersebut akan menjejaskan petunjuk ekonomi dan kewangan Malaysia yang kukuh.

Moody's menegaskan semakannya akan menumpukan kepada status dan prospek semasa bagi aliran pelaburan langsung dan portfolio, tinjauan bagi pengukuhan fiskal, perkembangan dalam penyusunan semula sektor korporat dan kesan kadar pertukaran tetap bagi ringgit, mata wang negara.

Sementara itu, seorang pegawai kerajaan Amerika Syarikat enggan mengulas berhubung perubahan dalam kepimpinan itu dengan menyatakan "ia adalah hal ehwal dalaman." -- BERNAMA

SH SHY ZK